



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 38
No.12

9hb Jun 1994

TAMBAHAN No. 35
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 264.

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

Fatwa yang berikut yang dibuat oleh Mufti Wilayah-Wilayah Persekutuan di bawah subseksyen 34(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 adalah disiarkan menurut subseksyen itu: Akta 505.

"Ajaran Mohd. Seman al-Banjari

- a. Mengesahkan bahawa kandungan risalah dan ajaran yang disandarkan kepada Mohd. Seman al-Banjari mengandungi banyak khurafat dan boleh membawa kepada kufur.
- b. Risalah ini haram dibaca, diedar dan disimpan.
- c. Ajaran ini haram diajar dan diamalkan.

Harga Zakat Fitrah bagi tahun 1994M/1414H bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan

- a. Bersetuju menetapkan kadar Fitrah mulai tahun 1994 adalah berdasarkan harga purata bagi semua gred beras yang ada di pasaran.

- b. Bersetuju menetapkan bahawa harga purata semua gred harga beras dijadikan asas untuk menetapkan harga sekilo beras. Oleh itu nilai harga fitrah bagi 2.27 kg ialah RM2.70 (2.27 kg x RM1.19).
- c. Bersetuju bahawa kadar ini untuk Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.

*Menentukan tarikh sah atau berkuatkuasa
wakaf yang telah dibuat oleh Allahyarham
Ahmad Dawjee Dadabhoy*

- a. Amalan wakaf adalah ibadat dalam agama Islam. Mengikut Hukum Syara', wakaf adalah sah dan berkuatkuasa apabila cukup syarat-syarat dan rukun-rukun wakaf.
- b. Berdasarkan kepada adanya syarat-syarat dan rukun-rukun wakaf maka mengikut Hukum Syara' wakaf yang dibuat oleh Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy adalah berkuatkuasa mulai 30hb Julai 1934.".

Bertarikh pada 13hb Mei 1994.
[JAWI/A/145; PN. (PU²) 530.]

DATO' ABDUL KADER BIN TALIP,
Mufti,
Wilayah-Wilayah Persekutuan



ڤڤايت مڤتڤ و لاله فرسڤك و نوار
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN